

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Karnival Riben Merah perangi penyakit AIDS | | |
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 24 May 2012 | Color | Full Color |
| Section | Negara | Circulation | 115,967 |
| Page No | I-20 | Readership | 406,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 189 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,643 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,929 |



Karnival Riben Merah perangi penyakit AIDS

KESEDARAN.

Persatuan Perkhidmatan Sokongan AIDS Kuala Lumpur (KLASS) mengadakan Karnival Riben Merah bersempena Hari Memperingati AIDS Sedunia 2012 di Brickfields, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Presiden KLASS, Dr. Christopher Lee berkata, karnival itu diadakan sebagai langkah proaktif menangani diskriminasi masyarakat terhadap penghidap HIV dan AIDS.

"Kita seharusnya memerangi penyakit AIDS dan HIV, bukannya memerangi pesakitnya," kata beliau.

Karnival itu dijayakan bersama Majlis AIDS Malaysia dan Kolej Universiti Malaysian Allied Health Sciences Academy (MAHSA) serta Hospital Sungai Buloh.

Seramai 92 sukarelawan yang terdiri daripada belia terlibat bagi menjayakan program tersebut.



SEBAHAGIAN daripada pelajar Kolej Universiti MAHSA menunjukkan sepanduk perangi AIDS dan HIV pada Karnival Riben Merah di Brickfields, Kuala Lumpur baru-baru ini.